

Semua IPTA sama

Kurang maklumat punca wujud **tanggapan negatif terhadap universiti** di Malaysia Timur, Pantai Timur

B.4 13101109 M/S 14

BENARKAH institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang terletak di Malaysia Timur dan Pantai Timur tidak menarik dan setanding di negeri lain? Ikuti penjelasan Naib Canselor, Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Prof Dr Khairuddin Ab Hamid, mengenai persepsi itu seperti disampaikan kepada wartawan pendidikan Berita Harian, Rosniza Mohd Taha.

Bicara

CANSELERI

PERTENGAHAN tahun lalu, media melaporkan kenyataan tegas Kementerian Pengajian Tinggi yang tidak akan menerima sebarang alasan pelajar ditawarkan melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di Sabah dan Sarawak, untuk memohon pertukaran ke IPTA berdekatan tempat tinggal mereka.

Timbalan Menteri Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk

pelajar dan ibu bapa dari Semenanjung Malaysia serta Sarawak.

Antara punca utama dikemukakan ialah keengganan berpisah jauh daripada keluarga serta bimbang mengenai perbelanjaan lebih tinggi terutama kos pengangkutan dan sara hidup untuk melanjutkan pengajian di negeri terbabit.

Gaya hidup dan budaya masyarakat berbeza juga antara faktor membuatkan sesetengah pelajar berat hati memasuki universiti di negeri terbabit kerana kluatir akan berasa janggal dan tidak dapat menyesuaikan diri den-



KAMPUS Unimas di Kota Samarahan, Sarawak turut dilengkapi kemudahan moden seperti IPTA lain.

erian Pengajian Tinggi, Datuk Dr Hou Kok Chung, yang memberi peringatan itu berkata ada persepsi membabitkan segelintir pelajar yang menganggap tawaran melanjutkan pengajian di IPTA sesetengah negeri seperti di Sabah dan Sarawak, Terengganu dan Kelantan sebagai tidak menarik dan kurang sesuai untuk belajar.

Persoalannya apakah faktor yang menimbulkan persepsi negatif seumpama itu? Unimas juga pernah menerima maklum balas sama mengenai perkara itu daripada

dr Hou Kok Chung, yang memberi peringatan itu berkata ada persepsi membabitkan segelintir pelajar yang menganggap tawaran melanjutkan pengajian di IPTA sesetengah negeri seperti di Sabah dan Sarawak, Terengganu dan Kelantan sebagai tidak menarik dan kurang sesuai untuk belajar.

Malah, kami dapati persepsi seumpama ini bukan saja membabitkan pelajar dari Semenanjung, sesetengah penuntut dari Sabah dan Sarawak juga mempunyai tanggapan serta kebimbangan sama.

Sebenarnya persepsi seumpama ini bukan 100 peratus benar kerana ia lahir daripada pengalaman dan pendedahan sesetengah pelajar yang terbatas.

Mereka cenderung membuat kesimpulan tidak bera-

sas itu berdasarkan apa yang didengar dan diceritakan orang sekeliling mereka tanpa memeriksa daripada sumber sepatutnya iaitu IPTA itu sendiri.

Sebagai contoh di Unimas, persepsi seumpama itu sebenarnya tidak relevan dan ia terbukti berdasarkan kadar kemasukan pelajar dari Semenanjung yang mencatat sekurang-kurangnya 45 peratus setiap tahun sejak universiti komprehensif ini ditubuhkan pada 1993.

Malah, ramai di kalangan

mereka mengambil keputusan untuk terus menetap di Sarawak kerana pelbagai faktor menarik seperti peluang pekerjaan, kos sara hidup lebih rendah serta keramahan dan keunikan kehidupan lebih 30 etnik di negeri itu.

Justeru, kita harus memperbaiki tanggapan ini dan pembabitan semua pihak diperlukan dalam menanganinya.

Pertama, ibu bapa sendiri perlu membuang perasaan takut untuk melepaskan anak jauh dari lingkungan penjagaan keluarga dan bersedia memberi peluang mereka meneroka sendiri cabaran mengharungi pengajian tinggi di negeri lain.

Kasih sayang kita sebagai ibu bapa biarlah bertempat, jangan sampai mengongkang anak yang sudah masuk usia matang untuk belajar berdiskari dan mengejar ilmu tanpa mengira tempat.

Untuk pendedahan meluas, pihak pengurusan universiti terutama di Malaysia Timur dan Pantai Timur juga memainkan peranan penting dengan mengadakan promosi berkesan supaya masyarakat mendapat gambaran sebenar mengenai peluang pengajian dan kemudahan disediakan.

Selain menyertai promosi dijalankan Kementerian Pengajian Tinggi termasuk Karnival Pengajian Tinggi - Jom Masuk U, universiti juga

perlu melaksanakan sendiri siri jelajah bagi meningkatkan kesedaran awam mengenai kelebihan ditawarkan IPTA masing-masing.

Kaedah promosi dilaksanakan juga perlu disesuaikan serta berupaya menarik minat generasi muda dan ini boleh dilakukan dengan memanfaatkan teknologi terkini serta media cetak dan elektronik.

Bagi Unimas, kami bercadang memberi perhatian khusus dalam aspek promosi tahun ini dengan menegenahkan keunikan pengajian dan kemudahan disediakan di kampus bagi memperbetulkan tanggapan salah itu.

Hakikatnya, selain menawarkan pengajian berkualiti terutama dalam bidang perubatan,

sains komputer dan teknologi maklumat, kami mempunyai kemudahan lengkap seperti asrama dan riadah termasuk pusat boling, kolam renang saiz olimpik dan gimnasium.

Malah, penggunaan bahasa Inggeris yang meluas dan kepelbagaian budaya, etnik dan warisan semula jadi di Bumi Kenyalang antara faktor nilai tambah yang dapat dimanfaatkan pelajar yang melanjutkan pengajian di Unimas.

Mengenai faktor kos tinggi, mungkin pihak berkuasa boleh menimbangkan biasiswa khas bagi pelajar yang mendapat tawaran kemasukan ke IPTA di Sabah dan Sarawak, terutama dari segi pengangkutan seperti tambang kapal terbang.



“ *Pertama, ibu bapa sendiri perlu membuang perasaan takut untuk melepaskan anak jauh dari lingkungan penjagaan keluarga dan bersedia memberi peluang mereka meneroka sendiri cabaran mengharungi pengajian tinggi di negeri lain”*

*Dr Khairuddin Ab Hamid
Naib Canselor Unimas*



TASIK seluas 16 hektar membolehkan pelajar Unimas menjalani pelbagai aktiviti rekreasi seperti berkayak.